

# Majikan PKS, kedai makan paling banyak culas carum Perkeso

**SEPAANG** – Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), peruncitan dan kedai makan yang tidak mempunyai pengurusan sistemik dikesan gagal mendaftar pekerja untuk mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Kesalahan itu antara paling banyak dikesan dalam Ops Kesam Perkeso di sekitar Kota Warisan, Bandar Baru Salak Tinggi, Nilai (Bandar Enstek) dan Banting pada Isnin.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, majikan terlibat dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Matlamat utama adalah untuk memastikan pekerja termasuk pekerja asing dan domestik dilindungi Perkeso meskipun bekerja separuh masa apabila mereka berdepan dengan sebarang kontigensi kemalangan, keletihan, kematian atau kehilangan pekerjaan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar selepas mengetahui operasi dan melancarkan Ops Kesam Perkeso Peringkat Kebangsaan di Sepang pada Isnin.



Mohammed Azman (dua dari kanan) melancarkan Ops Kesam Perkeso Peringkat Kebangsaan di Sepang pada Isnin.

Turut serta dalam operasi itu Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) Perkeso, John Riba Marin dan Ketua Bahagian Caruman dan Penguatkuasaan Perkeso, Jazlina Alias Mohammed Azman berkata,

menyebut bahawa operasi yang dijalankan sekitar Sepang dan Negeri Sembilan sejak 1 hingga 10 Julai, sebanyak 3,457 lawatan pemeriksaan ke premis majikan dengan 564 notis kompaun Akta 4 dikeluarkan dan 173 notis Akta 800.

Keseluruhan jumlah kom-

paun bagi kedua-dua akta adalah sebanyak 737 notis melibatkan nilai RM710,700.

"Sebelum ini, Perkeso telah memberi peluang kepada majikan selama dua bulan tempoh pemutihan dari 1 Mei hingga 30 Jun 2023 untuk mendaftar perusahaan dan mencarum pekerja mereka secara sukarela tanpa sebarang tindakan penalti atau kompaun.

"Berdasarkan rekod pendaftaran Perkeso seluruh negara sehingga 30 Jun 2023, sejumlah 1.16 juta majikan

telah berdaftar dengan Perkeso. Bagaimanapun, jumlah majikan yang aktif mencarum (iaitu sekurang-kurangnya satu caruman dalam tempoh 12 bulan) adalah seramai 9.4 juta orang termasuk 33,447 pekerja domestik dan 1.3 juta pekerja asing.

Tegasnya, jumlah kompaun yang dikenakan bagi setiap kesalahan dilakukan boleh

mencecah sehingga RM5,000.

"Kegagalan majikan berbuat demikian boleh dikenakan penalti atau Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) pada kadar enam peratus setahun atas setiap hari caruman lewat dibayar.

"Sekiranya gagal berbuat demikian, majikan boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh didapati hukuman penjara sehingga RM10,000 atau penjara kedua-duanya sekali," tegasnya.